

**PELAKSANAAN PROGRAM TARBIAH DALAM KALANGAN  
PELAJAR ASRAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA ( SMKA ) PULAU PINANG**

**MOHD SUHARDI BIN MAT JUSOH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2015**

**PELAKSANAAN PROGRAM TARBIAH DALAM KALANGAN  
PELAJAR ASRAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
AGAMA ( SMKA ) PULAU PINANG**

**MOHD SUHARDI BIN MAT JUSOH**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**MAC 2015**



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi–tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. di atas ‘inayah dan taufiqNya. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta para sahabat, *Tābi‘īn* dan sekelian orang – orang yang telah mengikuti jejak langkah Baginda S.A.W. Setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada penyelia dan penyelia bersama, Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Sharif dan Dr. Jasni b. Sulong yang telah menyelia dan membimbing penyelidik dalam menyiapkan tesis ini. Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin, pensyarah di Pusat Pengajian Jarak Jauh (PJJ), Dr. Norizan bt. Esa, pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM di atas bantuan dan nasihat kepada penyelidik sepanjang menyiapkan tesis ini. Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan khas buat Ustazah Rokiah bt. Abdul Aziz dan Dr. Nur Jahan bt. Ahmad dari Institut Perguruan Kampus ( IPG ), Pulau Pinang di atas kesudian menyemak tesis penyelidik. Penyelidik juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato’ Haji Muhammad Yusoff b. Wazir, Timb. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pegawai – pegawai Masjid Negeri Pulau Pinang. Seterusnya, majikan penyelidik di SMKA Al-Mashoor (L) dan SMKA (P) Al-Mashoor, rakan – rakan guru dan warden, para pelajar serta ibu bapa pelajar dan semua pihak yang telah menghulurkan bantuan dan sokongan kepada penyelidik dalam menyiapkan tesis ini. Akhirnya, penyelidik ingin merakamkan ucapan setinggi – tinggi terima kasih dan penghargaan kepada isteri yang tersayang, Normah bt. Ismail

serta anak- anak yang telah bersabar dan berkorban demi penyelidik menyiapkan tesis ini. Seterusnya ayah dan ibu, ayah dan ibu mertua serta tidak dilupakan kepada rakan seperjuangan, Sdr. Mohd Kamal Azman bin Jusoh yang sama – sama menyiapkan tesis ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia (USM). Semoga usaha yang telah dicurahkan oleh penyelidik dalam menyiapkan tesis ini termasuk dalam amal - amal saleh yang diterima di sisi Allah S.W.T. In sya Allah.

Wassalam.

MOHD SUHARDI BIN MAT JUSOH  
S-HD0033/09 ( R )

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Halaman</b>
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Kandungan</b>	iv
<b>Senarai Lampiran</b>	xi
<b>Senarai Jadual</b>	xii
<b>Senarai Rajah</b>	xvi
<b>Transliterasi</b>	xvii
<b>Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi</b>	xix
<b>Senarai Kependekan</b>	xxi
<b>Abstrak</b>	xxii
<b>Abstract</b>	xxiv

## **BAB 1 – PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Soalan – Soalan Kajian	13
1.5	Hipotesis Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Definisi Operasional	14
1.8	Kerangka Konsep Tarbiah	17
1.9	Skop kajian	19
1.10	Karya Terdahulu	20

## BAB 2 - TARBIAH DALAM ISLAM

2.1	Pengenalan	32
2.2	Pengertian Tarbiah	33
2.3	Asas – Asas Tarbiah	35
2.4	<i>Murabbī</i>	42
2.5	Tarbiah <i>Rūḥiyyah</i>	44
	2.5.1 <i>Wasīlah</i> Tarbiah <i>Rūḥiyyah</i>	46
	2.5.1.1 Solat	47
	2.5.1.2 Qiamullail	49
	2.5.1.3 Tadarus al-Quran	50
	2.5.1.4 Zikir <i>Ma'thūrāt</i>	52
	2.5.1.5 Puasa	53
2.6	Tarbiah <i>'Aqliyyah</i>	55
	2.6.1 <i>Wasīlah</i> Tarbiah <i>'Aqliyyah</i>	57
	2.6.1.1 Usrah	57
	2.6.1.2 <i>Ta'lim</i>	59
2.7	<i>Manhaj</i> Tarbiah Dalam Ibadat	63
	2.7.1 <i>Iḥsān</i>	64
	2.7.2 <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	65
	2.7.3 <i>Mujāhadah al-Nafs</i>	67
	2.7.4 Pengamalan Ibadat- Ibadat Sunat	69
	2.7.5 Mengikut Sunnah Nabi S.A.W.	70
2.8	Penutup	72

### **BAB 3 - ASRAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PULAU PINANG**

3.1	Pengenalan	73
3.2	Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	74
3.3	Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang	76
3.4	Objektif Pendidikan Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	78
3.5	Pengurusan dan Pentadbiran Asrama SMKA	82
3.6	Organisasi Pengurusan Pembangunan Sahsiah Murid Asrama SMKA	88
3.6.1	Pengetua	88
3.6.2	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM)	89
3.6.3	Ketua Warden	91
3.6.4	Warden	91
3.6.5	Penyelia Asrama	92
3.6.6	Pembantu Pengurusan Murid (PPM)	92
3.6.7	Pengawas Asrama	93
3.6.8	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	93
3.7	Program Tarbiah di Asrama SMKA	95
3.8	Sumber Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama SMKA	101
3.9	Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA)	104
3.9.1	Solat Berjemaah	104
3.9.2	Qiamullail	106
3.9.3	Tadarus al-Quran	107
3.9.4	Zikir <i>Ma'thūrāt</i>	108
3.9.5	Puasa Sunat	109
3.9.6	Usrah	110
3.9.7	Program Ilmu ( <i>ta' līm</i> )	112
4.0	Penutup	113



## **BAB 4 - METODOLOGI KAJIAN**

4.1	Pengenalan	114
4.2	Reka bentuk kajian	115
4.3	Rancangan Kajian	119
4.4	Instrumen Kajian	120
4.4.1	Pemerhatian	121
4.4.2	Temu bual	123
4.4.3	Soal Selidik	125
4.5	Kesahan Instrumen Kajian	128
4.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	131
4.7	Prosedur Pengumpulan Data	135
4.7.1	Pengumpulan Data Sekunder	136
4.7.2	Pengumpulan Data Primer	136
4.7.2.1	Pemerhatian	137
4.7.2.2	Temu bual	140
4.7.2.3	Soal Selidik	144
4.8	Persampelan dan Populasi Kajian	150
4.8.1	Persampelan Kajian Kualitatif	151
4.8.2	Persampelan Kajian Kuantitatif	152
4.9	Tatacara Analisis Data	153
4.9.1	Analisis Data Pemerhatian	154
4.9.2	Analisis Data Temu bual	157
4.9.3	Analisis Data Soal Selidik	159
4.10	Penutup	162

## **BAB 5 - ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	163
5.2	Bahagian 1 : Analisis Data Kualitatif Bahagian Pertama	164
5.2.1	Dapatan Kajian Pemerhatian Solat Maghrib Berjemaah	166
5.2.2	Dapatan Kajian Pemerhatian Solat Isya' Berjemaah	176
5.2.3	Dapatan Kajian Pemerhatian Solat Subuh Berjemaah	184
5.2.4	Dapatan Kajian Pemerhatian Solat Zuhur Berjemaah	195
5.2.5	Dapatan Kajian Pemerhatian Solat 'Asar Berjemaah	204
5.2.6	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Qiamullail	211
5.2.7	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Tadarus al-Quran	220
5.2.8	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Bacaan <i>Ma'thūrāt</i>	227
5.2.9	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Puasa Sunat	234
5.2.10	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Usrah	240
5.2.11	Dapatan Kajian Pemerhatian Program Ilmu	248
5.3	Bahagian 2 : Analisis Data Kualitatif Bahagian Kedua	257
5.3.1	Dapatan Kajian Temu bual soalan 1	258
5.3.2	Dapatan Kajian Temu bual soalan 2	281
5.3.3	Dapatan Kajian Temu bual soalan 3	289
5.3.4	Dapatan Kajian Temu bual soalan 4	292
5.3.5	Dapatan Kajian Temu bual soalan 5	308
5.4	Bahagian 3 : Analisis Data Kuantitatif	315
5.4.1	Demografi Responden	317
5.4.2	Analisis Statistik Deskriptif Bahagian Pertama	322
5.4.2.1	Objektif Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama	322
5.4.2.1.1	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Solat Berjemaah	322
5.4.2.1.2	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Qiamullail	324

5.4.2.1.3	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Tadarus al-Quran	325
5.4.2.1.4	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Bacaan <i>Ma'thūrāt</i>	326
5.4.2.1.5	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Puasa Sunat	327
5.4.2.1.6	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Usrah	328
5.4.2.1.7	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Program Ilmu	329
5.4.2.2	Kaedah Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama	331
5.4.2.2.1	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Solat Berjemaah	331
5.4.2.2.2	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Qiamullail	332
5.4.2.2.3	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Tadarus al-Quran	334
5.4.2.2.4	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Bacaan <i>Ma'thūrāt</i>	335
5.4.2.2.5	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Puasa Sunat	336
5.4.2.2.6	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Usrah	337
5.4.2.2.7	Statistik Deskriptif Kaedah Pelaksanaan Program Ilmu	339
5.4.2.3	Organisasi Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama	340
5.4.2.4	<i>Manhaj</i> Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama	344
5.4.2.5	Kesan Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama	346
5.4.2.6	Rumusan Analisis Data Kuantitatif Bahagian Pertama	352

5.4.3	Analisis Data Kuantitatif Bahagian Kedua	357
5.4.3.1	Perbezaan Min Jantina Responden	357
5.4.3.2	Perbezaan Min Umur Responden	358
5.4.3.3	Perbezaan Min Tingkatan Responden	359
5.4.3.4	Perbezaan Min Tempoh Masa Responden	360
5.4.3.5	Perbezaan Min Tempat Tinggal Responden	360
5.4.3.6	Perbezaan Min Taraf pendidikan Ibu bapa Responden	361

## **BAB 6 - KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan	363
6.2	Kesimpulan Dapatan Kualitatif Bahagian Pertama	365
6.3	Kesimpulan Dapatan Kualitatif Bahagian Kedua	375
6.4	Kesimpulan Dapatan Kuantitatif	387
6.5	Implikasi Kajian	390
6.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	390
6.5.2	Pengurusan Pentadbiran SMKA	393
6.5.3	Warden Asrama	394
6.5.4	Pelajar Asrama SMKA	394
6.5.5	Ibu bapa	394
6.6	Sumbangan Kajian	395
6.7	Cadangan	396
6.7.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pentadbiran SMKA	396
6.7.2	Guru dan Ibu bapa	397
6.8	Cadangan Kajian Lanjutan	398
6.9	Penutup	398

	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran A	Surat Perakuan Menjalankan Penyelidikan	416
Lampiran B	Borang Catatan Pemerhatian	417
Lampiran C	Borang Pengesahan Item Soal Selidik	424
Lampiran D	Borang Soal Selidik	426
Lampiran E	Soalan – Soalan Kajian Temu bual	434
Lampiran F	Data - Data Kajian Pemerhatian Tahun 2011-2012	436
Lampiran G	Transkripsi Kajian Temu bual 2011-2012	475
Lampiran H	Gambar – Gambar Program Tarbiah di Asrama SMKA Pulau Pinang 2011 – 2012	510

## SENARAI JADUAL

## Halaman

3.1	Bidang Tugas Program Pengurusan Sahsiah Murid Asrama	86
3.2	Proses Kerja Peraturan Pengurusan Sahsiah Murid	89
3.3	Proses Kerja Pengurusan Program Pembangunan Sahsiah Pelajar	90
3.4	Norma Kerja Pengurusan Aktiviti Kerohanian di Asrama	99
3.5	Norma Kerja Program Pembinaan Sahsiah Pelajar Asrama	102
3.6	Program Kerohanian Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	103
4.1	Reka bentuk Kajian	118
4.2	Rancangan Kajian Penyelidikan	120
4.3	Bilangan Konstruk dan Item Soal Selidik	127
4.4	Nama - Nama Pakar pengesahan Alat Ukur Kajian	130
4.5	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> dan Kebolehpercayaan Instrumen	133
4.6	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Ujian Rintis	134
4.7	Kategori dan Bilangan Responden Kajian Temu bual	141
4.8	Bilangan Responden, kod responden dan Maklumat Kajian Temu bual	142
4.9	Kerangka Persampelan Responden	146
4.10	Jadual Rawak Berlapis	148
4.11	Jadual Agihan Borang Soal Selidik	149
4.12	Kod Program dan Sekolah	156
4.13	Recode Item Negatif kepada Positif	159
4.14	Jadual Interpretasi Min	160
5.1	Objektif dan Soalan Kajian Pertama	165
5.2	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Solat Maghrib Berjemaah	166
5.3	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Solat Isya' Berjemaah	176
5.4	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Solat Subuh Berjemaah	184

5.5	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Solat Zuhur Berjemaah	195
5.6	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Solat ‘Asar Berjemaah	204
5.7	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Qiamullail	211
5.8	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Tadarus al-Quran	220
5.9	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Bacaan Zikir <i>Ma’thūrāt</i>	227
5.10	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Puasa Sunat	234
5.11	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Usrah	240
5.12	Tajuk – Tajuk Usrah di Asrama SMKA Pulau Pinang	244
5.13	Tema Kekerapan Amalan Responden Pelaksanaan Program Ilmu	248
5.14	Tajuk – Tajuk Program Ilmu di Asrama SMKA Pulau Pinang	255
5.15	Objektif dan Soalan Kajian Kedua	257
5.16	Objektif dan Soalan Kajian Ketiga	317
5.17	Jantina Responden	317
5.18	Umur Responden	318
5.19	Tingkatan Responden	319
5.20	Tempoh Menetap Responden di Asrama	319
5.21	Tempat Tinggal Responden di luar Asrama	320
5.22	Taraf Pendidikan Ibu Bapa Responden	321
5.23	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Solat Berjemaah	322
5.24	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Qiamullail	324
5.25	Statistik Deskriptif Objektif Pelaksanaan Tadarus al-Quran	325

5.26	Statistik Deskriptif	Objektif Pelaksanaan Bacaan <i>Ma'thūrāt</i>	326
5.27	Statistik Deskriptif	Objektif Pelaksanaan Puasa Sunat	327
5.28	Statistik Deskriptif	Objektif Pelaksanaan Usrah	328
5.29	Statistik Deskriptif	Objektif Pelaksanaan Program Ilmu	329
5.30	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Solat Berjemaah	331
5.31	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Qiamullail	332
5.32	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Tadarus al-Quran	334
5.33	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Bacaan <i>Ma'thūrāt</i>	335
5.34	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Puasa Sunat	336
5.35	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Usrah	337
5.36	Statistik Deskriptif	Kaedah Pelaksanaan Program Ilmu	339
5.37	Statistik Deskriptif	Organisasi Pelaksanaan Program Tarbiah	340
5.38	Statistik Deskriptif	Organisasi Pelaksanaan Program Tarbiah	342
5.39	Statistik Deskriptif	<i>Manhaj</i> Pelaksanaan Program Tarbiah	344
5.40	Statistik Deskriptif	<i>Manhaj</i> Pelaksanaan Program Tarbiah	345
5.41	Statistik Deskriptif	Kesan Pemantapan Akidah Keimanan	346
5.42	Statistik Deskriptif	Kesan Peningkatan Ilmu dan Kefahaman	347
5.43	Statistik Deskriptif	Kesan Pengamalan Ajaran Islam	348
5.44	Statistik Deskriptif	Kesan Istiqamah Dalam Ibadat	349
5.45	Statistik Deskriptif	Kesan Penghayatan Sifat – Sifat Terpuji	350
5.46	Statistik Deskriptif	Kesan Penghindaran Sifat – Sifat Terkeji	351
5.47	Rumusan Analisis Data Kuantitatif	Bahagian Pertama	351
5.48	Perbandingan Item – Item Positif dan Negatif	Dalam Aspek Kesan Pelaksanaan Program Tarbiah	354
5.49	Perbandingan Keseluruhan Item Positif dan Negatif	Dalam Aspek Kesan Pelaksanaan Program Tarbiah	356
5.50	Perbezaan Min Jantina	Responden	357
5.51	Perbezaan Min Umur	Responden	358
5.52	Perbezaan Min Tingkatan	Responden	359



5.53	Perbezaan Min Tempoh Masa Responden	360
5.54	Perbezaan Min Tempat Tinggal Responden	361
5.55	Perbezaan Min Taraf pendidikan Ibu bapa Responden	361
6.0	Rumusan Analisis Data Kuantitatif	388

## **SENARAI RAJAH**

## **Halaman**

1.1	Kerangka Konsep Tarbiah	17
2.1	Perbandingan Prinsip Pendidikan Islam dan Bukan Islam	35
3.1	Carta Organisasi Pentadbiran Asrama	84
3.2	Carta Organisasi Pentadbiran dan Pengurusan Asrama	85

## TRANSLITERASI

Huruf Arab	Sebutan Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	( alif )	: a , ' ( Hamzah )
ب	( bā )	: b
ت	( tā )	: t
ث	( thā )	: th
ج	( jīm )	: j
ح	( hā )	: ḥ
خ	( khā )	: kh
د	( dāl )	: d
ذ	( dhāl )	: dh
ر	( rā )	: r
ز	( zāy )	: z
س	( sīn )	: s
ش	( shīn )	: sy
ص	( sād )	: s
ض	( dād )	: ḍ
ط	( tā )	: ṭ
ظ	( zā )	: ṣ
ع	( ‘ayn )	: ‘
غ	( ghyn )	: gh
ف	( fā’ )	: f
ق	( qāf )	: q
ك	( kāf )	: k
ل	( lām )	: l
م	( mīm )	: m

ن	( nūn )	: n
هـ	( hā )	: h
و	( wāw )	: w
ي	( yā )	: y
ة	( tā marbūtah )	: h

### Vokal Panjang

آ	: ā
و	: ū
ي	: ī

### Vokal Pendek

ا	: a
ي	: i
و	: u

### Diftong

او	: aw
اي	: ay
ي	: iy/ī
و	: uww

## CONTOH PENGGUNAAN PEDOMAN TRANSLITERASI

1. “ا” dan “و” sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf Rumi. Contoh :

أولئك : ulā ‘ik

قالوا : qālū

جعلوا : ja‘alū

2. Tanda ( - ) mewakili ā panjang yang dimansuhkan. Contoh :

إبراهيم : Ibrāhīm

موسى : Mūsā

سليمان : Sulaymān

3. Huruf “و” ( wāw ) yang ditransliterasikan sama ada di awal kata, di tengah kata atau di akhir kata ditulis sebagai berikut :

ويل : Wayl

حول : Ḥawl

سوف : Sawf

4. Huruf “و” ( wāw ) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ū. Contoh :

صورة : Sūrah

وقوف : Wuqūf

كلوا : Kulū

5. Huruf “ي” ( yā’ ) ditransliterasikan sebagai y. Contoh :

يوم : yawm

يحي : yahya

ويل : wayl

6. Huruf “ي” ( yā’ ) yang mewakili vokal panjang ditransliterasikan sebagai ī.  
Contoh :

إيمان : īmān

قيل : qīl

في : fī

7. “ء” ( Hamzah ) yang mati atau hidup yang terletak di belakang konsonan atau diftong pada sesuatu kata dilambangkan sebagai koma atas ( ‘ ). Contoh :

المسألة : al-Mas’alah

الرأى : al-ra’y

كبائر : kabā’ir

8. “ ّ ” ( Syaddah ) di atas huruf yang menunjukkan penggandaan. Contoh :

ربّنا : rabbanā

إنّا : innā

كشّاف : kasysyāf

9. “ ال ” ( *Alīf Lām* ) ditransliterasikan sebagai al yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang. Contoh :

الفتوحات المكية : al-futūḥāt al-makkiyyah

الامتحان : al-imtiḥān

الاصل : al-asl

Sumber :

Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

## **SENARAI KEPENDEKAN**

BPI	: Bahagian Pendidikan Islam
FPI	: Falsafah Pendidikan Islam
FPK	: Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HEM	: Hal Ehwal Murid
JAPIM	: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JIM	: Pertubuhan Jemaah Islam
JPN	: Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MATRI	: Maahad al-Tarbiyah al-Islamiah
MPMA	: Modul Pembangunan Murid Asrama
PIBG	: Persatuan Ibu bapa dan Guru
PPM	: Pembantu Pengurusan Murid
SMKA	: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPSS	: Statistical Package For The Social Sciences
UiTM	: Universiti Teknologi MARA
USM	: Universiti Sains Malaysia

**PELAKSANAAN PROGRAM TARBIAH DALAM KALANGAN PELAJAR  
ASRAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA)  
PULAU PINANG**

**ABSTRAK**

Program-program tarbiah yang dilaksanakan di asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang secara asasnya berperanan untuk merealisasikan objektif pembentukan sahsiah pelajar. Walaupun program-program tersebut telah lama dilaksanakan, program-program tersebut kelihatan tidak mencapai objektif asalnya. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti kaedah dan bentuk pelaksanaan program-program tersebut, mengenal pasti aspek-aspek kelemahannya serta menilai pelaksanaan program tersebut berpandukan Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian melibatkan persampelan kejadian dan masa. Kaedah temu bual melibatkan 15 orang responden yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Kaedah soal selidik pula melibatkan sejumlah 509 orang pelajar asrama yang dipilih melalui persampelan rawak berlapis di empat buah asrama SMKA Pulau Pinang. Data kualitatif dianalisis menggunakan pendekatan induktif manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan program *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 19. Secara keseluruhannya, dapatan kualitatif menunjukkan bahawa program-program tarbiah tidak terlaksana



sepenuhnya sebagai *wasīlah* tarbiah *rūhiyyah* dan *‘aqliyyah* yang berkesan dalam konteks pembentukan sahsiah pelajar asrama. Sementara itu, dapatan kuantitatif pula menunjukkan bahawa kelima-lima aspek tarbiah iaitu objektif, kaedah, organisasi, *manhaj* dan kesan pelaksanaan program tarbiah berada pada tahap penilaian min sederhana tinggi. Hanya faktor jantina sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan program tersebut tidak mempunyai impak yang menyeluruh terhadap pelajar-pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang. Sehubungan itu, kajian ini mengesyorkan supaya usaha-usaha penambahbaikan dilaksanakan, terutamanya dari aspek kaedah, organisasi dan *manhaj* pelaksanaan program, supaya program-program ini dapat memenuhi objektif pembentukan sahsiah pelajar di SMKA Pulau Pinang seperti yang dihasratkan dalam objektif pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

**THE IMPLEMENTATION OF *TARBIAH* PROGRAMMES AMONG  
BOARDING STUDENTS AT SELECTED NATIONAL RELIGIOUS  
SECONDARY SCHOOLS ( SMKA) IN PENANG**

**ABSTRACT**

The *tarbiah* programmes implemented at the hostels of religious secondary schools in Penang basically have the objective of shaping the character and personality of students. Despite the fact that the programmes have long been implemented, it appears that they have not been able to achieve their fundamental objectives. This study, therefore, aims to examine the method of implementation of such programmes, to identify their weaknesses, and to evaluate the implementation of the programmes based on *Model Pembangunan Murid Asrama* (MPMA) issued by the Ministry of Education Malaysia. This research employs both qualitative and quantitative methods. Data was collected through observations, interviews, and questionnaires. The observation method involved both event sampling and time sampling. The interviews involved a total of 15 respondents selected through purposive sampling while the questionnaires involved a total of 509 students selected through stratified random sampling which involved four hostels at selected religious secondary schools. The qualitative data was analysed using the inductive method while the quantitative data was analysed using SPSS version 19. In general, the qualitative findings indicated that the implementation of the *tarbiah* programmes did not meet the intended objectives as effective *wasīlah tarbiah rūhiyyah* and *‘aqliyyah*, particularly in shaping the character and personality of boarding students.

The quantitative findings, meanwhile, showed that all five aspects of *tarbiah* – objective, method, organization, approach and impact of the implementation of the *tarbiah* programmes – were at the level of a high medium min. Only the gender factor showed a significant difference. These findings, thus, indicated that the implementation of such programmes did not have a broad impact on boarding students at the selected religious secondary schools. Following this, the study recommends that effort towards improving the programmes is made, especially in terms of the method, organisation and the approach of the *tarbiah* programmes so that they will be able to meet the objectives of shaping the character and personality of students at religious secondary school in Penang as outlined in the educational objectives of religious secondary schools.



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam tradisi Islam, pelbagai istilah digunakan untuk pengertian dan interpretasi terhadap pendidikan Islam. Antaranya ialah *tarbiah*, *ta'lim* dan *ta'dib* yang merujuk kepada erti pendidikan, pembelajaran dan pembentukan budi pekerti. Sekali pun setiap perkataan itu mempunyai pengertian yang tersendiri namun dalam konteks pendidikan Islam adalah saling berkait di antara satu sama lain.<sup>1</sup>

Justeru, pengertian *tarbiah* sekiranya dirujuk sebagai satu peristilahan dalam konteks pendidikan Islam maka *tarbiah* merupakan suatu proses membentuk keperibadian manusia daripada satu tahap ke satu tahap sehingga mencapai matlamat terakhir iaitu insan yang sempurna serta mengabdikan diri dengan tulus ikhlas kepada Allah S.W.T.<sup>2</sup>

Pada asasnya, matlamat pembentukan insan seperti yang dinyatakan di atas merupakan di antara objektif utama yang hendak direalisasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan juga Falsafah Pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Sehubungan itu, syor atau saranan yang telah dikemukakan iaitu bagaimanakah pihak sekolah dapat merangka satu program khusus seperti program pembinaan sahsiah pelajar dalam konteks melahirkan insan - insan seperti yang dikehendaki

---

<sup>1</sup> Faisal Othman (1993), " Pendidikan Islam - Konsep dan Realiti, " dalam Ismail Ab. Rahman *et al.* (ed), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 22.

<sup>2</sup> Mahayudin Hj.Yahaya (2005), *Tamadun Islam*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 308.

merupakan idea yang sangat realistik dan selaras dengan resolusi seminar pendidikan Islam era 2020 yang mengesyorkan bahawa institut pendidikan Islam perlu mempertingkatkan program latihan kerohanian supaya kualiti peribadi dan akhlak masyarakat yang baik, mantap dan mampan dapat direalisasikan.<sup>3</sup>

Oleh itu, di antara program yang dapat dilaksanakan bagi memenuhi objektif di atas adalah melaksanakan program - program tarbiah sebagai suatu program pendidikan Islam *informal* berasaskan bahawa amalan pendidikan yang sedang dipraktikkan ketika ini tidak menunjukkan tanda – tanda keberkesanan sepenuhnya dalam konteks melahirkan insan – insan yang dikehendaki kerana lebih menjurus kepada aspek kecemerlangan dan kelulusan akademik yang melebihi kecemerlangan aspek nilai, moral dan akhlak.<sup>4</sup>

Bertitik tolak dari kerelevanan program yang dijelaskan di atas, maka objektif terpenting penyelidik mengkaji pelaksanaan program tarbiah dalam kalangan pelajar asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang adalah untuk meneliti sejauhmana pelaksanaan program tersebut telah dapat memenuhi objektif yang dikehendaki iaitu dalam aspek kaedah dan bentuk pelaksanaan program, kelemahan – kelemahan yang dapat dikenal pasti serta menilai pelaksanaan program tersebut berpanduan Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

---

<sup>3</sup> Khailani Abdul Jalil *et al.* (1993), *Seminar Pendidikan Islam Era 2020, Tasawur dan Strategi*, c. 1. Kajang : Jabatan Pendidikan MPI, h.132.

<sup>4</sup> Anwar Ibrahim (1987), “ Pendidikan Islam di sekolah perlu diorientasikan kepada penghayatan dan amalan,” *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil.1, Bil. 2, h. 4.

## 1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Pada asasnya, kewujudan asrama di sesebuah sekolah tidak boleh dipandang sepi dari aspek kepentingannya kerana asrama mampu menyumbang modal insan dalam pembangunan negara serta merealisasikan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).<sup>5</sup>

Menyedari akan hakikat ini, maka Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merangka Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA) yang merangkumi bidang pembangunan akademik, sahsiah, kokurikulum, teknologi maklumat dan komunikasi serta patriotisme.<sup>6</sup> Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Bahagian Pendidikan Islam (BPI) melaksanakan program kecemerlangan asrama dan sahsiah SMKA dalam usaha memartabatkan kecemerlangan SMKA.<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada keseluruhan bentuk program dan modul yang dinyatakan di atas maka program pembangunan dan kecemerlangan sahsiah merupakan di antara program utama yang dapat merealisasikan objektif pembentukan pelajar SMKA yang bersahsiah tinggi, beriman dan bertaqwa<sup>8</sup> memandangkan program – program tersebut dapat dilaksanakan secara berterusan<sup>9</sup> dalam kalangan pelajar asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Program-program tersebut dapat dinyatakan seperti yang berikut :

---

<sup>5</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), *Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA)*, c.1. Putrajaya : Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, h. viii.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h.viii.

<sup>7</sup> Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (1997), *Program Kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Asrama*. Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, h. iv.

<sup>8</sup> Berpanduan kepada falsafah pendidikan SMKA. Lihat dalam bab 3, Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

<sup>9</sup> Di antara ciri – ciri khusus tabiat tarbiah Islam ialah proses tarbiah berlaku sepanjang hidup seseorang ( *mustamirrah* ) bagi membina nilai keperibadian seseorang. Lihat dalam ‘Abd al - ‘Azīz al-Mu‘āyāyah (2006), *al-Madkhal ilā Usūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*, c. 2. ‘Ammān : Dār al-Thaqāfah, h. 32.

- i. Program solat berjemaah
- ii. Program qiamullail
- iii. Program tadarus al-Quran
- vi. Program bacaan *Ma'thūrāt*
- v. Program puasa sunat
- vii. Program usrah
- viii. Program ilmu (*ta'lim*)

Program - program tersebut sekali pun dapat dilaksanakan dalam kalangan pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang, namun beberapa kelemahan tertentu telah dapat dikenal pasti dalam aspek – aspek yang berikut :

Pertama : Kaedah Pelaksanaan Program

Aspek ini memperlihatkan sekali pun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan juga Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah memberi garis panduan yang jelas tentang pelaksanaan setiap aktiviti ibadat (kerohanian) dan ilmu di asrama melalui Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA) dan program kecemerlangan asrama dan sahsiah SMKA, namun dari sudut pelaksanaannya menampakkan program-program tersebut masih tidak terlaksana sebagaimana menurut objektif asalnya. Aspek yang dinyatakan ini dapat dijelaskan seperti yang berikut :

- i. Solat Berjemaah

Program ini sekali pun dapat dilaksanakan dalam kalangan pelajar asrama namun masih kedapatan sebahagian besar pelajar asrama yang tidak dapat beristiqamah sepenuhnya dalam beberapa penunaian solat fardu berjemaah



terutama solat Subuh dan ‘Asar berjemaah.<sup>10</sup> Selain itu, amalan menjadi *ma'mūm masbūq* secara berterusan dalam sesetengah pelajar asrama serta tidak konsisten dalam penunaian solat – solat sunat *rawātib*<sup>11</sup> menunjukkan pelaksanaan ibadat ibadat tersebut masih tidak memenuhi ciri – ciri sebagai *wasīlah tazkiyah al-nafs* yang berkesan dalam konteks tarbiah Islam.<sup>12</sup>

## ii. Qiamullail

Secara asasnya, program qiamullail tidak terlaksana sebagai *wasīlah* tarbiah *rūhiyyah* yang berkesan dalam keseluruhan pelajar asrama memandangkan program ini hanya disertai oleh sebahagian kecil pelajar asrama khususnya pelajar – pelajar asrama menengah rendah. Selain itu, program ini hanya dilaksanakan oleh pelajar asrama sendiri tanpa penyertaan dan bimbingan dari warden - warden asrama.<sup>13</sup> Oleh itu, program ini tidak terlaksana sebagai amalan rutin dalam kalangan pelajar asrama kerana tiada penggerak yang dapat menghidupkan amalan ini.<sup>14</sup>

## iii. Tadarus al-Quran

Program tadarus al-Quran yang dilaksanakan di asrama adalah lebih berbentuk bacaan al-Quran semata – mata tanpa memberi perhatian khusus kepada amalan *tadabbur* al-Quran. Selain itu, kedapatan juga di antara asrama SMKA yang tidak melaksanakan dan meneruskan program ini secara konsisten selepas bulan Ramadan.

---

<sup>10</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program solat berjemaah. Lihat dalam lampiran G.

<sup>11</sup> Aspek ini dinyatakan dalam Program Kecemerlangan Sahsiah iaitu tahap ibadah yang sempurna dapat dicapai dengan cara melaksanakan ibadah yang sunat sama seperti ibadah wajib. Lihat dalam Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (1997), *Program Kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sahsiah*. Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, h. 37.

<sup>12</sup> Lihat di Bab 2, perbincangan berkenaan dengan solat sebagai *wasīlah* tarbiah *rūhiyyah* dan *tazkiyah al-nafs*.

<sup>13</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program qiamullail. Lihat dalam lampiran G.

<sup>14</sup> Aspek ini menunjukkan betapa perlu dan pentingnya warden- warden asrama berperanan sebagai *murabbī* dalam konteks pentarbiahan pelajar – pelajar asrama di SMKA. Lihat di Bab 2, perbincangan berkenaan ciri – ciri sebagai *murabbī*.

Dengan itu, penerimaan pelajar terhadap program ini adalah berbeza - beza di setiap asrama SMKA Pulau Pinang.<sup>15</sup>

vi. Zikir *Ma'thūrāt*

Bacaan *Ma'thūrāt*<sup>16</sup> yang merupakan zikir *ma'thūr* dapat dilaksanakan sebagai zikir harian khususnya selepas solat Subuh dan 'Asar dalam kalangan pelajar asrama. Namun begitu, penghayatan terhadap pengertian dan tujuan zikir ini tidak terlaksana sepenuhnya memandangkan zikir ini juga setakat dibaca sahaja. Selain itu, amalan menjadi *ma'mūm masbūq* dalam kalangan sesetengah pelajar asrama merupakan juga di antara faktor utama ketidaklancaran program ini.<sup>17</sup>

vi. Program Puasa Sunat

Program puasa sunat didapati terlaksana setiap minggu dalam sebahagian pelajar – pelajar asrama di setiap SMKA Pulau Pinang.<sup>18</sup> Namun begitu, program ini juga tidak terlaksana sepenuhnya sebagai suatu *wasīlah* tarbiah *rūḥiyyah* yang berkesan di asrama memandangkan program ini terlaksana di atas kemahuan pelajar asrama sendiri. Oleh itu, tidak kesemua pelajar asrama yang melibatkan diri dan beristiqamah dalam amalan ini.<sup>19</sup>

---

<sup>15</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program tadarus al-Quran. Lihat dalam lampiran G.

<sup>16</sup> Iaitu himpunan ayat – ayat al-Quran, doa serta zikir Rasulullah S.A.W. yang telah disusun oleh Hasan al-Bannā. Lihat dalam al-Syahīd Ḥasan al-Bannā (1976), *al-Ma'thūrāt*. Qāhirah : Dār al-Siyhāb.

<sup>17</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program bacaan zikir *Ma'thūrāt*. Lihat dalam bahagian lampiran G.

<sup>18</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program puasa sunat. Lihat dalam bahagian lampiran G.

<sup>19</sup> Berdasarkan program kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, semua pelajar asrama adalah terlibat dalam program kerohanian Asrama di SMKA. Lihat jadual 3.5 di bab 3.

vii. Program Usrah

Secara asasnya, program ini dapat dilaksanakan dalam kalangan pelajar asrama di setiap SMKA Pulau Pinang sebagai program ilmu di asrama. Walau bagaimanapun, pengendalian program ini agak kurang berkesan disebabkan oleh faktor masa dan kemampuan *naqīb*.<sup>20</sup> Manakala bahan dan pengisian usrah yang disampaikan tidak berpandukan kepada *manhaj* program usrah yang sebenar. Dengan itu, objektif tarbiah '*aqliyyah*' tidak dapat dipenuhi melalui pelaksanaan program ini.

vii. Program Ilmu (*ta'lim*)

Program ilmu yang dilaksanakan di asrama adalah merujuk kepada program kuliah Maghrib, tazkirah dan majlis bacaan kitab yang dilaksanakan secara mingguan atau bulanan di asrama.<sup>21</sup> Sungguhpun program ini dapat dilaksanakan namun tiadanya tenaga penggerak yang benar – benar dapat mengisi program ini secara konsisten. Selain itu, kedapatan juga di antara program ilmu yang dikendalikan sendiri oleh pelajar asrama tanpa penyertaan dari guru atau warden asrama. Manakala sebahagian bahan ilmu yang disampaikan tidak menumpukan khusus kepada aspek mempertingkatkan kefahaman pelajar asrama khususnya dalam perkara – perkara asas fardu ain.<sup>22</sup>

Kesimpulannya, beberapa kelemahan yang dapat dikenal pasti melalui pelaksanaan program - program tarbiah di atas menunjukkan program – program tersebut tidak

---

<sup>20</sup> Laporan bertulis program usrah di asrama SMKA Pulau Pinang tahun 2010. Selain itu, sebanyak 15 kali pemerhatian yang dilaksanakan oleh penyelidik dapat menggambarkan ketidakberkesanan program usrah dalam aspek yang dinyatakan. Lihat lampiran pemerhatian program usrah di lampiran G.

<sup>21</sup> Laporan bertulis program ilmu di asrama SMKA Pulau Pinang tahun 2010.

<sup>22</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal program ilmu. Lihat dalam bahagian lampiran G.

terlaksana sepenuhnya sebagai *wasā'il* tarbiah<sup>23</sup> dalam konteks pembentukan sahsiah pelajar di asrama SMKA Pulau Pinang. Oleh itu, kelemahan – kelemahan tersebut seharusnya dikaji dan diatasi memandangkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Ghazali bin Saad tentang “ Pendidikan Remaja Muslim : Kajian Tentang Sejarah dan Pelaksanaanya di Ma'had al-Tarbiyah al-Islamiah (MATRI) Beseri, Perlis.” Penyelidik telah membuktikan bahawa institusi pendidikan tersebut telah berjaya membentuk keperibadian pelajar – pelajarnya melalui program – program pendidikan yang menekankan penyemaian keimanan, kesedaran, kefahaman Islam dan akhlak yang terpuji.<sup>24</sup>

#### Kedua : Organisasi Program

Organisasi program adalah merujuk kepada pihak – pihak yang bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak dalam aspek pelaksanaan program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang. Organisasi ini adalah terdiri dari pengetua, penolong kanan hal ehwal murid, warden asrama, penyelia asrama dan ajk pelajar asrama.<sup>25</sup>

Berdasarkan kepada senarai organisasi yang dinyatakan di atas, warden asrama merupakan penggerak dan pelaksana utama setiap program tersebut. Ini kerana peranan dan tugas warden sebagai *mas'ul* tarbiah telah dinyatakan dengan jelas oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serta Bahagian Pendidikan Islam (BPI) iaitu setiap warden adalah bertanggungjawab untuk memantau serta

---

<sup>23</sup> Pengertian *wasīlah* berdasarkan ayat 35, surah *al-Mā'idah* dan ayat 57, surah *al-Isrā'* ialah *al-qurbah* iaitu menghampirkan diri dengan ketaatan dan ibadat. *Wasīlah* juga bermaksud jalan yang dipakai oleh seseorang untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. iaitu iman dan amal soleh. Lihat dalam Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, c.1, j.15-16. Damsyiq : Dār al-Fikr, h. 126.

<sup>24</sup> Ghazali b. Saad (2004), “ Pendidikan Remaja Muslim : Kajian Tentang Sejarah dan Pelaksanaannya di Ma'had al-Tarbiyah al-Islamiah. ” (Tesis Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.v.

<sup>25</sup> Modul Pembangunan Murid Asrama (2007), *op.cit.*, h. 11. Lihat juga di Bab 3 berkenaan dengan bidang tugas organisasi asrama.

merekodkan aktiviti – aktiviti harian dan berkala seperti waktu solat dan kelas agama yang dianjurkan di asrama.<sup>26</sup> Selain itu, ahli jawatankuasa pelaksana program yang terdiri dari warden asrama dikehendaki mengadakan satu senarai semak untuk memantau cara bacaan pelajar dalam solat dan setiap pelajar mestilah mempunyai rekod peribadi prestasi solat.<sup>27</sup>

Walau bagaimanapun, penglibatan warden asrama didapati tidak berlaku secara menyeluruh dalam aspek yang dinyatakan di atas.<sup>28</sup> Dengan kata lain, tidak ke semua warden berperanan dan melibatkan diri dalam setiap pelaksanaan program tersebut.<sup>29</sup> Sehubungan itu, pemantauan dan penilaian setiap program tarbiah tidak terlaksana sepenuhnya seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI).<sup>30</sup> Aspek yang dinyatakan ini memperlihatkan pihak pengurusan sekolah di SMKA Pulau Pinang tidak memberi perhatian khusus kriteria perlantikan seseorang warden asrama yang dapat berperanan sebagai “*murabbī*” dalam konteks pentarbiahan pelajar – pelajar di asrama SMKA Pulau Pinang. Aspek ini dapat diperkukuhkan dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Tn. Hj. Abdullah bin Hj. Ibrahim iaitu :

“Sepatutnya pengetua di SMKA melantik warden asrama dalam kalangan guru agama.”<sup>31</sup>

---

<sup>26</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (t.t.), *Buku Panduan Pengurusan Asrama Sekolah*. Bahagian Pengurusan Sekolah harian, h. 10.

<sup>27</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), *op.cit.*, h.11.

<sup>28</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal dalam keseluruhan program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang. Lihat dalam bahagian lampiran G.

<sup>29</sup> Berdasarkan data – data pemerhatian awal. Sila lihat dalam bahagian lampiran G.

<sup>30</sup> Berdasarkan proses kerja pengurusan program pembangunan sahsiah pelajar, satu jawatankuasa kecil dikehendaki menjalankan penilaian secara berterusan dan menyeluruh bagi mengesan tahap keberkesanan program melalui pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Sila lihat dalam Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (2006), *Buku Pengurusan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SMKA*. c.1. Kuala Lumpur, h. 69.

<sup>31</sup> Petikan ucapan Tn. Haji Abdullah b. Hj. Ibrahim dalam Kursus Orientasi Jurulatih Utama Peringkat Kebangsaan, bahasa Arab Tingkatan 4 di Hotel Gold Course, Klang, Selangor, 4 Ogos 2010.

Oleh itu, ciri-ciri seseorang guru asrama sebagai *murabbī* seharusnya dipertimbangkan oleh pihak pengurusan SMKA Pulau Pinang memandangkan kajian yang dijalankan oleh Mohd. Azli b. Aznan (2002) berkenaan dengan “Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia (JIM) : Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia.” Pengkaji telah merumuskan bahawa Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia (JIM) telah berjaya mengoperasikan institusi pendidikannya dalam bidang pendidikan Islam di negara ini kerana institusi tersebut memberikan suatu persepsi yang jelas tentang kedudukan seseorang guru di mana menurut persepsi mereka, guru adalah seorang yang berilmu, bermaklumat, mampu membentuk jiwa sendiri dan jiwa anak didik menjadi hamba Allah S.W.T.

Ketiga : *Manhaj* Program

*Manhaj*<sup>32</sup> program adalah merujuk kepada sejauhmana program – program ibadat dan ilmu yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar asrama adalah terarah dan berfungsi sebagai *wasā'il* tarbiah dari sudut bentuk dan kaedah pelaksanaannya bagi merealisasikan objektif pembentukan sahsiah pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang. Aspek yang dinyatakan ini adalah berdasarkan objektif yang dikehendaki oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dalam program kecemerlangan sahsiah SMKA iaitu untuk mencapai tahap ibadat yang sempurna maka ibadat yang dikerjakan mestilah menurut keyakinan ilmu dan bukan ikut – ikutan.<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> Di antara pengertian *manhaj* ialah program – program yang terarah, jalan yang jelas, rancangan yang tersusun, kaedah –kaedah yang tetap bersumberkan al- Quran dan al- Sunnah serta adanya pelaksanaan dari kalangan para sahabat dan *tābi'īn*. Lihat dalam Muḥammad Khayr Fātimah (1998), *Manhaj al-Islām fī Tarbiyah 'Aqīdah al-Nāsyī'*, c. 1. Damsyiq : Dār al-Khayr, h. 39.

<sup>33</sup> Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (1997), *op.cit.*, h. 37.

Oleh itu, tidak dinafikan bahawa ilmu dan kefahaman merupakan di antara elemen terpenting dalam konteks mempertingkatkan kualiti amalan dan peningkatan kualiti amalan ini merupakan di antara tujuan pendidikan yang perlu dicapai oleh setiap murid.<sup>34</sup> Sehubungan itu, di antara ilmu dan kefahaman yang sangat relevan dan perlu diberi penekanan khusus dalam aspek mempertingkatkan kualiti amalan pelajar – pelajar asrama ialah ilmu dan kefahaman tentang konsep *ihsān*, *tazkiyah al-nafs*, *mujāhadah al-nafs*, pengamalan ibadat–ibadat sunat (*nawāfil*) dan mengikut sunnah Nabi S.A.W. Kesemua aspek kefahaman ini dapat memantapkan pelaksanaan dan penghayatan ibadat dalam kalangan pelajar asrama.<sup>35</sup>

Berdasarkan pemerhatian awal yang dilaksanakan oleh penyelidik,<sup>36</sup> dapat dirumuskan masih terdapat sebilangan besar pelajar asrama yang tidak dapat beristiqamah dalam penunaian sesetengah solat berjemaah, solat – solat sunat *rawātib*, puasa sunat dan qiamullail sekali pun mereka telah lama berada di asrama. Dengan itu, pelaksanaan program ibadat dalam kalangan pelajar asrama masih tidak terlaksana dan memenuhi ciri – ciri sebagai *wasīlah* tarbiah *rūhiyyah* yang berkesan. Aspek yang dinyatakan ini adalah selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ustaz Khairol Annuar b. Hj.Musa iaitu :

“ Masalah utama pelaksanaan ibadat solat di kalangan pelajar SMKA ialah pelaksanaan ibadat solat yang tidak berkualiti.”<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah *et al.* (2010), “ Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Hanīfah Dalam Kitab al-Ālim wa al-Muta‘allim,” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Bil. 11, Feb. 2010, h.150

<sup>35</sup> Berdasarkan tinjauan dan pemerhatian awal penyelidik.

<sup>36</sup> Pemerhatian awal telah dilaksanakan dari bulan Mac sehingga bulan Mei tahun 2011. Lihat data – data pemerhatian awal di bahagian lampiran G.

<sup>37</sup> Pandangan Ustaz Khairol Annuar b. Hj. Musa tentang isu tarbiah di SMKA melalui pertemuan penyelidik dengan beliau di Pejabat Sektor Pendidikan Islam, JPN, 31 Mei 2010, jam 5.00 petang . Beliau merupakan Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN ), Pulau Pinang bagi tahun 2010.

Manakala program ilmu yang dilaksanakan juga kurang berfungsi sebagai *wasīlah* tarbiah ‘*aqliyyah* dalam aspek mempertingkatkan kefahaman pelajar dalam perkara – perkara asas fardu ain terutama bidang akidah, ibadat dan akhlak dalam kalangan pelajar asrama sedangkan kajian yang telah dijalankan oleh Abd. Rahman b. Haji Yusof (2001) dalam tesisnya, “ Program Bina Sahsiah Belia Jabatan Belia dan Sukan, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur : Kajian Tentang Keberkesanannya.” Penyelidik telah mencadangkan agar program kekuatan akidah dan akhlak perlu dijadikan asas utama untuk membantu belia menyemai kehidupan bersahsiah.<sup>38</sup>

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara khusus, kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik adalah untuk memenuhi objektif - objektif kajian yang berikut :

- 1.3.1 Untuk mengkaji kaedah dan bentuk pelaksanaan setiap program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang.
- 1.3.2 Untuk mengenalpasti setiap kelemahan yang wujud di sepanjang pelaksanaan program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang.
- 1.3.3 Untuk menilai pelaksanaan program tarbiah berpandukan Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

---

<sup>38</sup> Abd. Rahman bin Hj. Yusof (2001), “ Program Bina Sahsiah Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Kajian Tentang Keberkesanannya. ” (Tesis Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 183.



#### **1.4 Soalan – Soalan Kajian**

Berpandukan kepada objektif kajian di atas, penyelidik berharap dapat menjawab soalan - soalan kajian yang berikut :

- 1.4.1 Bagaimanakah setiap program tarbiah dilaksanakan ?
- 1.4.2 Apakah kelemahan – kelemahan yang dapat dikenal pasti di sepanjang pelaksanaan setiap program tersebut ?
- 1.4.3 Sejauhmanakah program tersebut dapat memenuhi Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), Kementerian Pelajaran Malaysia ?

#### **1.5 Hipotesis**

- 1.5.1 Wujud perbezaan yang signifikan di antara faktor demografi responden dalam aspek kesan pelaksanaan program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang.
- 1.5.2 Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara faktor demografi responden dalam aspek kesan pelaksanaan program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

- 1.6.1 Kajian ini dapat mengemukakan garis panduan khusus dalam aspek kaedah pelaksanaan program tarbiah *rūḥiyyah* dan *‘aqliyyah* bagi memenuhi objektif pembangunan sahsiah pelajar asrama di SMKA dan institusi pendidikan Islam.

- 1.6.2 Kajian ini dapat mengenal pasti aspek– aspek kelemahan dalam pelaksanaan setiap program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang serta cadangan-cadangan penambahbaikan program tersebut bagi memenuhi objektif pembangunan sahsiah pelajar asrama di seluruh SMKA yang lain.
- 1.6.3 Kajian ini dapat mengemukakan suatu model program pembangunan sahsiah pelajar berasaskan *manhaj* tarbiah Islam sebagai program pendidikan Islam *informal* bagi memenuhi objektif–objektif pendidikan seperti yang terkandung dalam gagasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan juga Falsafah pendidikan SMKA.

## 1.7 Definisi Operasional

Tajuk kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik ialah “ Pelaksanaan Program Tarbiah Dalam Kalangan Pelajar Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang.”

Oleh itu, definisi “ Program Tarbiah ” dalam konteks kajian ini dapat dijelaskan seperti yang berikut :

### 1.7.1 Program

Menurut Kamus Dewan, program bermaksud rancangan yang menentukan dasar – dasar yang akan dijalankan.<sup>39</sup> Manakala menurut kamus Oxford Fajar “ *programme* ” ialah *plan of what is intended to be done* iaitu rancangan tentang apa yang hendak dilakukan.<sup>40</sup> Sementara dalam bahasa Arab, program bermaksud

---

<sup>39</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, c. 6. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1057.

<sup>40</sup> A S Hornby (2000), *Oxford Fajar Advanced Learner's ( English – Malay ) Dictionary*. Asmah Haji Omar ( terj.), c.1. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 1470.

“ *barnāmaj* atau *minhāj* ”<sup>41</sup> iaitu suatu rancangan yang disusun untuk apa – apa perkara.

### 1.7.2 Tarbiah

Tarbiah iaitu suatu metode pendidikan yang selayaknya dipraktikkan dalam bentuk interaksi dan pengembangan potensi - potensi semula jadi seseorang insan sama ada menggunakan pendekatan secara langsung (pengajaran dan pendidikan) atau tidak langsung (*qudwah ḥasanah*) menurut suatu *manhaj* dan *wasīlah* yang khusus ke arah perubahan diri seseorang menuju ke tahap kesempurnaan.<sup>42</sup>

Oleh itu, pengertian tarbiah seperti yang dinyatakan di atas menggariskan beberapa perkara penting yang berikut :<sup>43</sup>

- i. Tarbiah ialah suatu kaedah (*tarīqah*) berinteraksi dengan manusia menurut suatu pendekatan yang telah diajar oleh Allah S.W.T. kepada Rasul-Nya dan pendekatan ini telah dipraktikkan oleh Baginda S.A.W. ke atas para sahabatnya.
- ii. Sasaran tarbiah ialah manusia iaitu bakat dan fitrah semulajadinya.
- iii. Tarbiah hendaklah dilaksanakan berasaskan *manhaj* yang jelas iaitu menurut acuan al-Quran dan al-Sunnah.
- iv. Pelbagai *wasīlah* tarbiah boleh dilaksanakan dalam rangka merealisasikan objektif tarbiah.

---

<sup>41</sup> Rūḥī Ba’labakī *et al* . (1996), *al-Mawrid al-Waseet, Concise Dictionary, English – Arabic / Arabic-English*, c.1. Beirūt : Dār El-Ilm Li al - Malāyīn, h.151.

<sup>42</sup> Definisi asal dalam bahasa Arab ialah :

" الأسلوب الأمثل في التعامل مع الفطرة البشرية توجيهها مباشرة بالكلمة وغير مباشرة بالقعدة , وفق منهج خاص ووسائل خاصة , لإحداث تغيير في الإنسان نحو الأحسن . "

Sila lihat dalam ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (t.t.), *Wasā’il al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwān al-Muslimīn*, Qāhiraḥ : Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 11.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 12.

- v. Tujuan terpenting tarbiah ialah membentuk keperibadian seseorang insan agar sempurna aspek kemanusiaannya.

### 1.7.3 Program Tarbiah

Secara khusus, definisi “ program tarbiah ” dalam konteks kajian penyelidikan adalah merujuk kepada program ibadat dan ilmu yang dilaksanakan di asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang iaitu merangkumi program – program yang berikut : <sup>44</sup>

- i. Program solat berjemaah
- ii. Program qiamullail
- iii. Program tadarus al-Quran
- vi. Program bacaan *Ma'thūrāt*
- v. Program puasa sunat
- vii. Program usrah
- viii. Program ilmu (*ta'lim*)

Dalam konteks tarbiah, program – program yang dinyatakan di atas merupakan *wasā'il* tarbiah *rūḥiyyah* dan *'aqliyyah* yang dapat merealisasikan objektif pembentukan sahsiah pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang. Selain itu, program – program tersebut merupakan juga suatu bentuk program pendidikan Islam *informal* yang dilaksanakan di luar waktu persekolahan.<sup>45</sup>

---


<sup>44</sup> Sumber utama pelaksanaan program ini adalah Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sila lihat di Bab Tiga.

<sup>45</sup> Kamarudin Hj. Husin *et al.* (2003), *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*, c.1. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 7.

## 1.8 Kerangka Konsep Kajian (*Conceptual Framework*)

Kerangka konsep kajian ini dapat ditunjukkan sebagaimana gambarajah yang berikut :

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Tarbiah



( Sumber : Modifikasi dari Konsep ( *maḥmūd* ) *al-Tarbiyah* 'Inda al-Ikhwān al-Muslimīn, 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd )

Rajah 1.1 di atas menerangkan tentang kerangka konsep tarbiah yang dilaksanakan oleh penyelidik. Secara khusus, asas – asas terpenting yang membentuk kerangka kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Sasaran tarbiah iaitu pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang.
- ii. *Wasīlah* tarbiah iaitu program tarbiah *rūḥiyyah* dan *'aqliyyah*.
- iii. *Manhaj* tarbiah iaitu ilmu dan kefahaman dalam pelaksanaan program tarbiah *rūḥiyyah* dan *'aqliyyah*.
- iv. *Murabbī* iaitu pendidik dan pembimbing dalam pelaksanaan program tarbiah *rūḥiyyah* dan *'aqliyyah*.

Dari sudut operasi dan pembangunan, kerangka konsep kajian di atas adalah selari dengan Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA) dan program kecemerlangan sahsiah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Oleh itu, berdasarkan model di atas, sasaran tarbiah adalah pelajar – pelajar asrama yang terlibat dalam setiap program tarbiah di asrama SMKA Pulau Pinang iaitu program ibadat (*rūhiyyah*) dan ilmu (*‘aqliyyah*). Dalam konteks ini, program - program tarbiah adalah berfungsi sebagai *wasīlah* tarbiah.<sup>46</sup> Sementara *manhaj* tarbiah adalah ilmu dan kefahaman<sup>47</sup> yang menjadi teras dan asas bagi meningkatkan kualiti ibadat pelajar – pelajar asrama. *Murabbī* pula adalah guru-guru asrama yang telah dipertanggungjawabkan secara rasmi<sup>48</sup> dalam hal- ehwal dan pendidikan pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang.

Ringkasnya, kesemua elemen tarbiah yang dinyatakan dalam kerangka konsep kajian di atas adalah selari dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA) dan program kecemerlangan asrama/sahsiah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bagi merealisasikan objektif pembentukan sahsiah pelajar asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang seperti yang dihasratkan dalam falsafah pendidikan asrama dan falsafah pendidikan SMKA.<sup>49</sup>

---

<sup>46</sup> Lihat dalam Bab 3, jadual 3.5, program kerohanian asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

<sup>47</sup> Dinyatakan dalam bahagian aktiviti kekuatan akidah dan akhlak iaitu untuk mencapai tahap ibadat yang sempurna, beribadah berasaskan kepada keyakinan ilmu bukan ikut-ikutan serta berazam untuk melaksanakan ibadat yang sunat sama seperti ibadah wajib. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (1997), *op.cit.*, h. 37.

<sup>48</sup> Melalui lantikan rasmi oleh pihak sekolah dan Jabatan Pelajaran Negeri bagi menjalankan tugas - tugas yang telah disenaraikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Lihat senarai tugas warden di bab 3, sub-tajuk 3.6.4.

<sup>49</sup> Lihat bab 3, perkara 3.4 objektif pendidikan asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang.

## 1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu :

- 1.9.1 Kajian ini menumpukan hanya kepada pelajar - pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan pelajar – pelajar asrama di SMKA negeri – negeri lain. Justifikasi penyelidik memilih hanya pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang memandangkan kajian ini merupakan kajian rintis dan masih belum terdapat mana – mana penyelidik yang menjalankan kajian tentang tajuk ini di asrama SMKA negeri - negeri yang lain.<sup>50</sup> Selain itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah bersifat kualitatif yang tidak memerlukan saiz sampel yang besar.<sup>51</sup> Manakala kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah untuk menyokong dapatan kajian kualitatif.<sup>52</sup> Oleh itu, adalah memadai bagi penyelidik menjalankan kajian ini di empat buah asrama di SMKA Pulau Pinang sahaja.
- 1.9.2 Kajian ini menumpukan hanya kepada pelajar - pelajar asrama di empat buah SMKA di negeri Pulau Pinang iaitu SMKA Al-Mashoor (L), SMKA (P) Al-Mashoor, SMKA Nibong Tebal dan SMKA Al-Irshad. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan pelajar – pelajar SMKA Pulau Pinang yang tinggal di luar asrama. Justifikasi penyelidik memilih hanya pelajar asrama sahaja

---

<sup>50</sup> Justifikasi dan kenyataan ini telah dipersetujui oleh Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri dalam Kursus Peningkatan Kemahiran dan Keperluan Penyelidikan Dalam Penyelidikan Zon Utara, Anjuran Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM di Bahagian Teknologi Pendidikan Pulau Pinang, Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang, 23 – 25 April 2012. Selain itu, melalui tinjauan kajian karya terdahulu, terdapat di antara penyelidik yang menjalankan kajian di satu negeri sahaja sebagai kajian rintis iaitu apabila tidak terdapat mana - mana kajian yang dilaksanakan di negeri berkenaan. Lihat di bahagian ulasan Karya, perkara 1.9.

<sup>51</sup> Dari sudut saiz sampel, penyelidikan kualitatif menggunakan saiz sampel yang kecil berbanding penyelidikan kuantitatif. Silat lihat perbandingan di antara penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dalam Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*, j.1. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill, h. 7.

<sup>52</sup> Dalam kajian kualitatif, penyelidik telah menggunakan instrumen pemerhatian dan temu bual sebagai alat pengumpulan data. Manakala dalam kajian kuantitatif, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Lihat dalam Bab 4, justifikasi dan kelebihan menggunakan setiap instrumen pengumpulan data tersebut berdasarkan objektif kajian penyelidik.

memandangkan pelajar yang tinggal di luar asrama tidak terlibat dalam pelaksanaan program tarbiah di asrama.

1.9.3 Kajian ini menumpukan kepada dua aspek penting pelaksanaan program tarbiah iaitu program ibadat (*rūḥiyyah*) dan ilmu (*‘aqliyyah*) yang dilaksanakan secara berterusan dalam kalangan pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan program – program pendidikan Islam yang berbentuk sementara serta program peningkatan akademik pelajar asrama di SMKA Pulau Pinang.

## **1.10 Karya Terdahulu**

Berdasarkan tinjauan dan semakan penyelidik terhadap penulisan - penulisan terdahulu berkenaan dengan tajuk kajian penyelidik atau tajuk yang hampir sama, didapati terdapat penyelidik–penyelidik terdahulu atau semasa yang mengkaji tajuk–tajuk yang hampir sama dengan tajuk kajian penyelidik.

Walau bagaimanapun fokus, skop dan tempat kajian mereka adalah berbeza dengan bidang kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik. Oleh itu, penulisan–penulisan tersebut dapat dibahagikan kepada tiga tema utama yang berikut :

### **1.10.1 Mata Pelajaran Pendidikan Islam**

i. Zahiah binti Haris @ Harith (2012), “ Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Utara : Kajian Kaedah dan Keberkesanannya.” Tesis Phd, Jabatan Sejarah dan Tamadun, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru (IPG) dari sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran



yang berkesan, hasil pembelajaran, masalah dan cadangan meningkatkan kualitinya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini dari data kuantitatif dan kualitatif menunjukkan dapatan yang hampir sama dan saling menyokong antara satu sama lain dari aspek kekerapan kaedah, kaedah yang sesuai dan berkesan dalam pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini juga turut memperakui bahawa sukatan pelajaran pendidikan Islam di IPG sangat penting dan dipersetujui oleh pelajar. Kajian ini seterusnya mengemukakan enam isu utama yang dicadangkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam di IPG. Isu tersebut menyentuh perkara yang berkaitan pensyarah, pelajar, mata pelajaran pendidikan Islam, aktiviti ko-kurikulum pendidikan Islam, pihak pentadbir dan buku rujukan serta infrastruktur yang disediakan di IPG. Akhirnya, melalui kajian ini terdapat tiga cadangan kajian lanjutan yang dicadangkan iaitu kajian mengenai kurikulum pendidikan Islam untuk pembinaan sahsiah guru di IPG, kajian pembinaan modul pendidikan Islam di IPG dan kajian keperluan kemahiran ICT di kalangan pensyarah pendidikan Islam di IPG.

i. Zalmiza bt. Zakaria (2004), “Penerimaan Dan Penghayatan Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam : Satu Kajian Di Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Kota Setar, Kedah.” Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Di antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam membentuk peribadi seseorang pelajar di samping mengenal pasti bentuk penghayatan terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam adalah berbeza antara satu sama lain baik lelaki atau perempuan. Di samping itu, kajian ini mendedahkan guru adalah alat

utama yang boleh meningkatkan dan mempengaruhi seseorang pelajar untuk lebih mempraktikkan sesuatu ilmu yang dipelajari. Ini kerana keseluruhan kandungan mata pelajaran pendidikan Islam dipercayai dan diakui keberkesanannya sekiranya disampaikan dengan penuh rasa tanggungjawab oleh guru yang komited dengan tugas perguruan.

ii. Mohd. Nasir b. Abd. Hamid (2007), “Kajian Pelaksanaan Kurikulum Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Utara Semenanjung Malaysia : Satu Kajian Kes.” Tesis Phd, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Di antara objektif kajian ini adalah untuk meneliti secara mendalam apakah jenis – jenis subjek yang dipelajari di SMAR dan SMKA serta mengemukakan suatu gagasan baru yang praktikal tentang bagaimanakah pendidikan di institusi tersebut dapat melahirkan insan yang mempunyai kekuatan iman, akhlak yang baik dan pemikiran yang cemerlang. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan pelajar terpicu dengan banyak subjek dan mesti lulus dalam peperiksaan di samping ketiadaan subjek tertentu dalam memantapkan sahsiah pelajar. Kajian ini seterusnya merumuskan bahawa pendidikan Islam bukan hanya bertanggungjawab menampilkan generasi muslim yang kukuh iman bahkan seharusnya menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, berakhlak dan memiliki budaya kerja yang hebat serta berani terlibat dalam semua jurusan di setiap masa dan keadaan.

iii. Sulaiman Wahid (1994), “Perkembangan Pendidikan Islam Dan Cabaran Sekularisasi Terhadapnya : Satu Kajian Khusus Di Sekolah - Sekolah Menengah Agama Di Negeri Pahang.” Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini secara khusus mengkaji tentang

ancaman - ancaman sekular dalam pendidikan Islam dan mengenal pasti kesan serta pengaruhnya kepada pelajar dan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan proses sekularisasi bukan berlaku hasil dari falsafah pendidikan yang sedia ada tetapi hasil dari beberapa kelemahan individu dan kelompok yang terlibat dalam melaksanakan dasar pendidikan sistem persekolahan, kurikulum, sikap, persekitaran, pengaruh, pemikiran dan amalan serta pembelajaran yang tidak berjaya menghasilkan pengamal ilmu yang bersepadu. Sebagai saranan, masalah sekularisasi yang dinyatakan di atas dapat diatasi iaitu dengan cara kembali kepada metodologi pendidikan Islam secara menyeluruh sebagaimana yang disebut dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu pendidikan yang berpandukan kepada Syariat, asas-asas akhlak yang terpuji dan pemilihan kurikulum yang mengarah kepada kebaikan dan menjauhi perkara – perkara mungkar.

#### 1.10.2 Program Pendidikan Islam

- i. Azlina Abu Bakar @ Mohd (2011), Pembinaan Model Kesejahteraan Diri Remaja di Terengganu.” Tesis Phd Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor – faktor seperti keagamaan, spiritual, efikasi sendiri, hubungan dengan sekolah, penglibatan ibu bapa dan resiliensi melalui penghasilan model kesejahteraan diri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keagamaan boleh mencegah pelajar daripada tingkah laku berisiko dengan meningkatkan kebolehan pelajar untuk membentuk IIs ( implementation intention). IIs akan meningkatkan *protective health behavior* seperti pemakanan yang baik, tidak merokok dan memandu secara berhemah. Seterusnya, kajian ini menunjukkan

bahawa keagamaan memainkan peranan penting dalam membina resiliensi dan kesejahteraan diri bukan faktor spiritual. Oleh itu, remaja harus dibimbing untuk menggalakkan komitmen mereka dalam aktiviti keagamaan. Manakala hubungan antara guru- guru agama dengan pelajar – pelajar di sekolah harus diperkukuhkan lagi. Justeru, sekolah agama menurut kajian ini sepatutnya menjana kepada intergasi sistem sokongan sosial yang lebih kuat kepada pelajar berbanding sekolah biasa.

ii. Kamarul Azmi b. Jasmi (2010), “ Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia : Satu Kajian Kes.” Tesis Phd Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji ciri – ciri dan faktor – faktor kecemerlangan guru pendidikan Islam (GCPI) di sekolah – sekolah menengah di Malaysia. Secara keseluruhannya, data kualitatif dan kuantitatif kajian ini menunjukkan pola yang sama iaitu dari aspek pembelajaran & pengajaran, keperibadian, kemahiran, ilmu Islam dan pengamalannya serta motivasi. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat faktor luaran GCPI yang memberikan sumbangan terhadap kecemerlangan mereka. Dalam aspek pengamalan ilmu Islam, kajian ini mendedahkan bahawa GCPI merupakan mereka yang sangat berusaha untuk mengamalkan ilmu mereka dalam perkara wajib, sunat dan adab Islam. Amalan wajib yang sangat ditekankan oleh mereka ialah solat dan solat berjemaah serta haji dan umrah. Manakala amalan sunat yang sangat ditekankan ialah sedekah, hadiah dan wakaf, baca al-Quran dan *al-Ma'thūrāt*, solat sunat, doa dan istighfar, zikir dan puasa.

i. Masitah bt. Esa (2004), “ Pendidikan Islam Dalam Program Pusat Pemulihan Akhlak Wanita : Kajian Kes di Taman Seri Puteh, Cheras, Selangor.” Disertasi